

Tebatan RM400 juta elak banjir di Muar

» *Sistem perparitan, sungai di Pagoh dinaik taraf*

Oleh Azidan Nahar

azidan@bharian.com.my

■ Muar

Sejumlah RM400 juta peruntukan akan digunakan bagi melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir Fasa 2 Sungai Muar membabitkan aliran air dari Bukit Kepong hingga ke bandar Muar, di sini, seterusnya menjadikan daerah ini bebas daripada bencana banjir.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Muar dan Ledang, Mohd Hayal Atan, berkata empat perkara akan menjadi keutamaan pihaknya bagi menghalang kawasan berkenaan dilanda banjir membabitkan keseluruhan aliran sepanjang 120 kilometer.

Beliau berkata, antara empat projek utama membabitkan peruntukan RM300 juta itu ialah menaiktaraf perparitan dan sungai di Pekan Pagoh bagi melancarkan aliran air dan kini pihaknya sedang mengenal pasti lokasi bagi tu-

juan terbabit.

Selain itu, pihaknya juga akan mencadangkan supaya dibina pintasan sungai di Tanjong Olak serta Belemang, di sini, bagi memudahkan pengaliran air Sungai Muar seterusnya mengelakkan kawasan sekitarnya mengalami banjir terutama pada musim tengkujuh.

"Kita juga akan membina sistem amaran banjir membabitkan beberapa pekan kecil sekitar Pagoh dan Muar, sebelum ini kita hanya ada pusat

pemeriksaan tahap amaran air di pekan terbabit," katanya ketika dihubungi.

Peruntukan RM300j dilulus
Mohd Hayal berkata, peruntukan RM300 juta untuk perkara berkenaan sudah diluluskan dan pihaknya kini dalam proses untuk meneliti segala perkara berkaitan kos setiap projek dan jika cadangan berkenaan menjadi kenyataan, kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada Rancangan

Malaysia Kesepuluh nanti.

Selain itu, Mohd Hayal berkata, pihaknya juga akan mencadangkan projek pengukuhan tebing Sungai Muar bermula dari Tanjung Emas hingga ke Sungai Abong sejauh 3.5 kilometer yang dijangka menelan belanja kira-kira RM100 juta.

Katanya, ketika ini banyak berlaku runtuhannya di sekitar kawasan terbabit menyebabkan pelbagai masalah seperti hakisan tebing.

"Tebing terbabit sudah dibina antara 40 hingga 50 tahun lalu, kerana itu ia perlu dibaiki sebelum ia dipindahkan dengan lampu dan kemudahan lain untuk orang ramai.

"Kita akan mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Muar (MPM) bagi tujuan berkenaan," katanya.



Rancangan tebatan banjir akan **dapat mengatasi masalah banjir** yang sering melanda Muar sejak sekian lama.